



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU PERTANIAN KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERTANIAN KANAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Agribisnes / *Agrotechnology* / *Biology* / Mikrobiologi / Pemasaran / Pertanian / Sains Makanan dan Teknologi Makanan / Sains Pertanian / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SEKSYEN KEMAJUAN INDUSTRI TANAMAN: (02 KEKOSONGAN)

1. Membantu Ketua Unit Kemajuan Industri Tanaman bagi melaksanakan tugas pelaksanaan program peningkatan hasil sayur, buah, pelbagai tanaman dan florikultur serta pentadbiran unit;
2. Memantau dan memastikan perlaksanaan projek di bawah Pelan Strategik Kementerian dan Jabatan mengikut jadual yang telah ditetapkan;



3. Membantu dalam perancangan perkembangan kawasan-kawasan bagi industri tanaman;
4. Membantu menyelaras dan memastikan perkembangan projek industri tanaman (sayur, buah, pelbagai tanaman dan florikultur) dalam perlaksanaan pemandanan perniagaan dan pemasaran; dan
5. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.

SEKSYEN KEMAJUAN INDUSTRI PERTANIAN: (02 KEKOSONGAN)

1. Memberi khidmat nasihat / tunjuk cara / demonstrasi / permindahan teknologi pertanian kepada para pengusaha di Daerah-Daerah yang diperlukan;
2. Mengawasi, memantau dan menyelaras kerja-kerja projek pertanian di ke empat-empat Daerah;
3. Membuat laporan-laporan bagi ladang-ladang pertanian empat Daerah;
4. Menyelaras pendaftaran pengusaha, penjualan barang-barang input pertanian dan sokongan pekerja ladang di Daerah-Daerah yang diperlukan;
5. Menyelaras program peningkatan hasil pengeluaran pertanian, pengambilan data hasil ladang, sampel-sampel tanaman di Daerah-Daerah;
6. Melaksanakan kegiatan-kegiatan dan kajian-kajian pertanian di ke empat-empat Daerah;
7. Berkemahiran asas dalam bidang *Information Technology (IT)* untuk membantu Unit-Unit Kemajuan Pertanian Daerah-Daerah; dan
8. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Bahagian, Ketua Seksyen dan Ketua Unit dari semasa ke semasa.

UNIT PERKHIDMATAN TEKNIKAL DAN AKREDITASI INDUSTRI AGRIMAKANAN: (01 KEKOSONGAN)

1. Membantu menyelaraskan program peningkatan hasil pengeluaran produk agrimakanan;
2. Mengawasi, memantau dan menyelaras kerja-kerja projek dan program-program di bawah Bahagian / Seksyen;



3. Membantu dalam meningkatkan keluaran produk agrimakanan yang selamat dan mematuhi piawaian melalui pengukuhan usaha-usaha yang dijalankan;
4. Membimbing dan memantau pengusaha dalam meningkatkan keluaran yang memenuhi syarat keselamatan dan piawaian makanan antarabangsa bagi pasaran tempatan dan eksport;
5. Memberi khidmat konsultasi, bimbingan dan nasihat teknikal kepada pengusaha agrimakanan tempatan;
6. Menjalankan pemantauan dan lawatan teknikal ke premis-premis pemprosesan makanan tempatan;
7. Menyelaras kerja-kerja pensampelan produk bagi analisa mikrobiologi dan kimia bagi memastikan produk makanan adalah selamat dan berkualiti; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas tambahan yang diberikan oleh Ketua dan pihak atasan dengan makluman dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN INDUSTRI TANAMAN: (01 KEKOSONGAN)

1. Memberi khidmat nasihat pertanian kepada para peladang / pengusaha;
2. Membantu dalam pengumpulan maklumat dan pengiraan data industri pertanian dan yang berkaitan;
3. Menyediakan laporan / status ladang jika perlu dari semasa ke semasa;
4. Melaksanakan kegiatan-kegiatan dan kajian-kajian pertanian;
5. Membantu menyelaraskan program peningkatan hasil pengeluaran pertanian; dan
6. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.